

**SIKAP KANAK-KANAK ORANG ASLI DI BANDAR RAYA KUALA LUMPUR
TERHADAP PENGUASAAN BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA KEDUA**
(*Attitude Towards The Mastering Of Malay Language As A Second Language Among
Aboriginal Children In Kuala Lumpur*)

ABDUL RAHIM ABU
Universiti Putra Malaysia
arabgn794@yahoo.com.sg

MOHD SHARIFUDIN YUSOP
Universiti Putra Malaysia
mosy@upm.edu.my

Dihantar pada:
25 September 2014

Diterima pada:
30 Oktober 2014

Koresponden:
arabgn794@yahoo.com.sg

Abstrak: Sikap merupakan salah satu unsur yang mempengaruhi penguasaan bahasa. Di negara kita, salah satu objektif penguasaan bahasa adalah untuk membentuk sikap supaya membanggakan Bahasa Melayu (BM) sebagai bahasa kebangsaan. Sikap mempunyai hubungan erat dengan motivasi untuk belajar bahasa. Bagi penutur yang menjadikan BM sebagai bahasa kedua (B2), kelemahan penguasaan bahasa mereka amat ketara. Situasi ini tidak terkecuali kepada kanak-kanak masyarakat minoriti Orang Asli (OA). Jati diri kanak-kanak OA untuk menguasai BM boleh direalisasikan dengan bersikap positif terhadap BM. Hasil tinjauan awal, kanak-kanak OA menghadapi masalah dalam penguasaan BM. Memandangkan BM adalah bahasa kebangsaan, mereka mestilah menguasai BM dengan baik. Penyelidikan ini bertujuan untuk mengenal pasti sikap kanak-kanak OA yang berumur 8 hingga 11 tahun di Bandaraya Kuala Lumpur terhadap penguasaan BM sebagai B2. Di samping itu, kajian ini juga dapat menghuraikan sikap kanak-kanak OA lelaki dan kanak-kanak OA perempuan terhadap penguasaan BM. Melalui data yang diperolehi daripada Jabatan Pendidikan Negeri Kuala Lumpur (JPNKL), terdapat 18 orang kanak-kanak OA yang berumur 10 hingga 11 tahun. Selain itu, kajian ini dapat membantu Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Jabatan Kemajuan Hal Ehwal Orang Asli (JAKOA) untuk menyusun strategi dalam usaha membentuk sikap positif kanak-kanak OA terhadap BM. Kesimpulannya, kajian mendapati status sikap kanak-kanak OA terhadap penguasaan BM sangat berkaitan serta memberi kesan terhadap pencapaian mereka dalam penguasaan BM.

Kata kunci: Sikap, penguasaan, Orang Asli, bahasa Melayu, bahasa kedua

Abstract: Attitude is one of the elements that affect language proficiency. In Malaysia, one of the objectives of language proficiency is to develop the attitude of to be proud of Bahasa Melayu (BM) as the national language. Attitude has a close relationship with the motivation to learn the language. For speakers who use BM as a second language (B2), poor command of the language is very obvious. This situation is no exception to the children of the indigenous (OA). Language proficiency among the OA children can be realized through a positive attitude towards BM. Initial survey has shown that the OA children face difficulties in mastering BM. Since BM is the national language, they must master BM well. This research aims to identify the attitudes of OA children aged 8 to 11 years old in the city of Kuala Lumpur towards the proficiency in BM as B2. In addition, this study also describes the attitude of the male and female OA children in mastering BM. According to the data obtained from the State Department of Education Kuala Lumpur (JPNKL), there were 18 OA children aged 10 to 11 years. The study is expected to give an overview on the attitude of OA children towards BM. In addition, this study will assist the Ministry of Education (MOE) and Department of Development of Aboriginal Affairs (JAKOA) to strategize in order to create a positive attitude towards BM amongst the OA children. In conclusion, the study found that the children's attitudes towards BM is very relevant and have an impact on their performance in the language.

Keywords: Attitudes, mastering, aboriginal, Malay language, second language

PENGENALAN

Sikap merangkumi proses mental yang bersifat fikiran atau perasaan terhadap sesuatu objek atau aspek yang akan mendorong seseorang itu bertindak (Woodworth, 1949 dalam Kamarudin, 1993). Sikap terhadap bahasa dilihat dari segi pandangan masyarakat terhadap bahasa itu sendiri seperti menarik, sedap didengar, dan mudah dipelajari. Sikap positif atau negatif terhadap sesuatu bahasa dipengaruhi oleh faktor yang berkaitan dengan budaya, sosial, ekonomi, agama dan politik (Norizah, 2005). Kajian tentang sikap terhadap bahasa melibatkan banyak disiplin ilmu iaitu psikologi sosial bahasa, sosiologi bahasa, sosiolinguistik, linguistik antropologi, komunikasi, dan analisis wacana (Cargile et al. 1994 dalam Norizah, 2005). Bagi Nik Safiah (1988), sikap bahasa dilihat dalam konteks kesetiaan bahasa. Sebaik sahaja lahir, individu akan mempelajari sesuatu bahasa iaitu bahasa ibunda. Gardner (1985) dalam bukunya *Frame Of Mind* menyatakan bahawa sikap merupakan faktor utama yang menentukan kejayaan penguasaan bahasa di dalam kelas.

Kajian terhadap sikap bahasa memaparkan tindak balas penutur terhadap bahasa mereka sendiri dan terhadap bahasa orang lain (Noriah Mohamed, 1998). Sikap bahasa ini direalisasikan menerusi perasaan cinta akan bahasa, khususnya bahasa ibunda kerana dikatakan individu telah mula mewujudkan hubungan emosi dengan bahasa berkenaan. Kajian sikap terhadap bahasa juga dikaitkan dengan motivasi belajar bahasa khususnya dalam pembelajaran bahasa sebagai B2.

Zamri dan Zarina (2001) menjelaskan bahawa faktor sikap merupakan penyumbang utama kepada kemerosotan pencapaian pelajar dalam bahasa Melayu (BM). Para sarjana pendidikan bahasa turut menekankan sikap adalah faktor penting dalam menentukan kecemerlangan pelajar untuk menguasai bahasa terutamanya sebagai bahasa kedua (B2). Pelajar yang lemah biasanya mempunyai sikap negatif terhadap penguasaan bahasa mereka. Dalam penguasaan bahasa, faktor sikap banyak mempengaruhi keupayaan pelajar untuk belajar dengan baik.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Bangsa Malaysia terdiri daripada pelbagai ras iaitu sekitar 60 peratus Melayu, 25 peratus Cina, 10 peratus India dan selebihnya kumpulan etnik lain seperti Orang Asli (OA), lebih 50 kumpulan etnik peribumi Sabah dan lebih 30 kumpulan etnik peribumi Sarawak. Kepelbagaian ras, agama dan etnik ini yang menjadi ciri khas bangsa dan dapat disatukan dengan penggunaan satu bahasa pemersatuan iaitu bahasa kebangsaan. Dalam usaha memperkasakan BM sebagai bahasa kebangsaan, sikap dan jati diri individu terhadap BM itu sendiri perlulah ditanam sejak awal lagi iaitu pada peringkat kanak-kanak.

Penguasaan BM menjadi penting kepada semua pelajar setelah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyeragamkan pelaksanaan pendidikan BM sebagai bahasa pengantar rasmi dalam sistem persekolahan mulai tahun 1982. Melalui dasar ini, semua pelajar harus menduduki peperiksaan dengan menggunakan BM. Lantaran itu, semua pelajar secara teorinya harus menguasai BM dengan baik.

B2 merupakan bahasa selain Bahasa Ibunda (BIB) yang dikuasai secara formal atau pun tidak formal. Cook (1991) dalam Kamsiah Abdullah (1984) pula mendefinisikan B2 sebagai bahasa yang dipelajari oleh seseorang individu sebagai tambahan kepada BIB yang sedia ada. Pengetahuan B2 yang dikuasai oleh pengguna adalah hasil dorongan dalaman atau motivasi. Menurut Mohin (1987) dalam Abdul Hamid (1990) terdapat pelbagai faktor yang menjadi penyebab pelajar-pelajar tidak dapat menguasai BM dengan baik. Situasi ini akan memberi kesan pada prestasi yang rendah dalam peperiksaan.

Kepentingan BM kepada penuntut bukan Melayu memang tidak dapat dinafikan. Namun begitu, masalah dalam kalangan penuntut bukan Melayu ialah mereka sering terikut-ikut dengan gaya BIB atau bahasa Inggeris (BI). Selain itu, faktor sikap penuntut itu sendiri menjamin kejayaan mereka untuk menguasai BM dengan baik. Perubahan sikap sangat penting dalam meningkatkan kemahiran asas dalam bidang penulisan dan pertuturan.

Komuniti Masyarakat Orang Asli (OA)

OA merupakan kelompok minoriti masyarakat peribumi di Semenanjung Malaysia (Nicholas, 2000 dalam Khairul Hisyam dan Ibrahim, 2007). Mereka dianggap minoriti kerana jumlah mereka seramai 132,000 orang pada tahun 2000. Data Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) menunjukkan populasi mereka ini hanya membentuk 0.5% daripada jumlah keseluruhan penduduk negara. Pada tahun 2012, jumlah mereka bertambah kepada 178,197 orang. Sekiranya penduduk OA dibahagikan mengikut zon, maka zon utara bagi kumpulan etnik Negrito, zon tengah untuk kumpulan etnik Senoi manakala zon selatan untuk kumpulan etnik Melayu-Proto. Setiap kumpulan etnik ini mempunyai enam suku bangsa yang berbeza (Jadual 1).

Jadual 1: Pecahan kumpulan etnik dan suku bangsa masyarakat Orang Asli

Kaum	Negrito	Senoi	Melayu-Proto
Kumpulan Etnik	Kensiu	Che Wong	Temuan
	Kintak	Mahmeri	Semelai
	Lanoh	Jahut	Jakun
	Jahai	Semoq Beri	Orang Kanaq
	Mendriq	Semai	Orang Kuala
	Bateq	Temiar	Orang Seletar

Murid Orang Asli di Sekolah Rendah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Melalui maklumat awal yang diperolehi daripada Jabatan Pendidikan Kuala Lumpur (JPNKL), bilangan murid OA yang ada dalam pentadbiran JPNKL ialah seramai 52 orang. Zon Pudu mempunyai bilangan murid OA yang paling ramai iaitu sejumlah 18 orang. Ini diikuti Zon Bangsar seramai 16 orang. Bagi Zon Sentul pula, jumlah murid OA seramai 11 orang. Manakala Zon Keramat hanya mempunyai 7 orang murid OA sahaja. Pecahan jantina pula, murid OA lelaki seramai 22 orang manakala perempuan 30 orang (Jadual 2).

Jadual 2: Jumlah murid OA di sekolah rendah Kuala Lumpur sehingga Oktober 2012

Zon	Tahap 1		Jumlah Tahap 1	Tahap 2		Jumlah Tahap 2	Jumlah Tahap 1 & 2
	L	P		L	P		
Bangsar	2	7	9	4	3	7	16
Keramat	3	3	6	0	1	1	7
Pudu	4	8	12	3	3	6	18
Sentul	4	3	7	2	2	4	11
Jumlah	13	21	34	9	9	18	52

Sumber: Jabatan Pelajaran Wilayah Persekutuan (2013)

L = Lelaki

P = Perempuan

Kecelaruhan Identiti antara Bumiputera dan Orang Asli

Data JPWP membuktikan bahawa masyarakat hari ini keliru dengan konsep bumiputera dan OA. Bagi mereka masyarakat bumiputera itu termasuk OA. Situasi ini sedikit sebanyak memerihalkan masyarakat OA tidak mendapat perhatian yang sewajarnya daripada masyarakat tempatan. Hal ini terbukti apabila data awal (Jadual 2) memaparkan terdapat kira-kira 52 orang kanak-kanak OA di agensi pendidikan rendah sekitar Kuala Lumpur. Namun tinjauan awal menunjukkan jumlah kanak-kanak OA semakin berkurangan. Hal ini demikian kerana, pihak pengurusan agensi berkenaan menjelaskan bahawa mereka sendiri kurang mendalami konsep peribumi, bumiputera, dan OA. Mereka membuat tanggapan bahawa masyarakat bumiputera adalah termasuk masyarakat OA. Sehubungan itu, faktor kecelaruhan tanggapan identiti terhadap OA telah menjelaskan bahawa ada dalam kalangan masyarakat hari ini kurang mengenali masyarakat OA dan bumiputera. Pengkaji telah mendapati hanya 36 orang kanak-kanak OA sahaja yang sebenarnya terdapat di agensi pendidikan rendah di Kuala Lumpur.

PERNYATAAN MASALAH

Hari ini, kanak-kanak Melayu yang merupakan penutur bahasa pertama didapati tidak dapat menguasai BM dengan baik. Hal ini lebih membimbangkan bagi penutur B2 termasuklah dalam kalangan kanak-kanak OA. Bagi penutur B2, BM merupakan bahasa asing yang perlu

dikuasai oleh mereka. Bagi kanak-kanak yang menggunakan BM sebagai B2, kebiasaannya mereka akan mengalami gangguan bahasa terutama daripada bahasa ibunda. Gangguan ini jika tidak diatasi akan menghalang mereka untuk terus menguasai bahasa kedua (Mohd Helmi, 2011). Situasi ini diperkukuhkan lagi dengan kenyataan oleh Teo Kok Seong (2013) yang membuat tinjauan terhadap pelatih Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) 2010 mendapati seramai 600 orang daripada 14 ribu orang pelatih iaitu India dan Cina tidak boleh berbahasa Melayu langsung.

Dalam sistem pendidikan negara kita pula, bahasa pengantar yang digunakan ialah BM. Sudah pasti masyarakat OA akan ketinggalan untuk menguasai BM yang merupakan bukan bahasa ibunda mereka. Situasi ini diburukkan lagi dengan pandangan negatif masyarakat luar yang menyebabkan OA berasa rendah diri seterusnya menyebabkan mereka tidak dapat menguasai BM dengan baik (Mohd Sharifudin, 2013).

Kebanyakan kajian tentang sikap dan tahap penguasaan BM dalam kalangan penutur kedua pula hanya tertumpu kepada pelajar Cina dan India serta penutur asing seperti kajian oleh Zamri dan Zarina (2001). Walau bagaimanapun, kajian sikap terhadap penguasaan BM kepada kumpulan minoriti seperti kanak-kanak OA terutamanya di bandar raya sangat kurang dijalankan. Tidak ada kajian yang melihat sikap kumpulan minoriti ini terhadap penguasaan BM. Kajian yang melibatkan OA pula banyak menyentuh tentang aspek kemiskinan dan keciciran masyarakat asli sahaja.

Selain itu kajian yang dijalankan terhadap OA hanya tertumpu di kawasan pedalaman atau pinggir bandar. Kajian yang dijalankan di kota metropolitan seperti Kuala Lumpur agak kurang. Bahkan ada dalam kalangan kita juga tidak menyedari kehadiran OA di kawasan bandar raya. Faktor ini bukanlah sesuatu yang asing, kerana secara realitinya, masyarakat OA sinonim dengan hutan belantara. Adalah mustahil untuk mereka berada dalam arus kehidupan di hutan batu ini. Oleh sebab itulah ada ketikanya kita tidak sedar bahawa terdapatnya masyarakat OA di Bandaraya Kuala Lumpur.

Terdapat juga dalam kalangan masyarakat di Kuala Lumpur yang mengelompokkan kumpulan OA ini sebagai kaum lain atau bumiputera asli Sabah dan Sarawak. Oleh yang demikian, rasional

inihlah yang menjadi kekuatan kepada penyelidik bahawa adalah sangat perlu untuk meninjau dan menjalankan kajian terhadap masyarakat OA terutamanya yang bermastautin di Bandaraya Kuala Lumpur.

OBJEKTIF KAJIAN

1. Menilai sikap kanak-kanak OA di Bandaraya Kuala Lumpur terhadap penguasaan bahasa BM sebagai B2.
2. Menghuraikan sikap antara kanak-kanak lelaki dan kanak-kanak perempuan OA di Bandaraya Kuala Lumpur terhadap penguasaan BM sebagai B2 secara perbandingan.

PERSOALAN KAJIAN

1. Bagaimanakah sikap kanak-kanak OA di Bandaraya Kuala Lumpur terhadap penguasaan BM sebagai B2?
2. Adakah terdapat perbezaan sikap yang signifikan antara kanak-kanak lelaki dan kanak-kanak perempuan OA di Bandaraya Kuala Lumpur terhadap penguasaan BM sebagai B2?

HIPOTESIS

- Ho1: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara sikap kanak-kanak lelaki dan kanak-kanak perempuan OA terhadap penguasaan BM sebagai B2.
- Ho2: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara keputusan pentaksiran BM pemahaman dengan sikap kanak-kanak OA terhadap penguasaan BM sebagai B2.
- Ho3: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara keputusan pentaksiran BM penulisan dengan sikap kanak-kanak OA terhadap penguasaan BM sebagai B2.
- Ho4: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kanak-kanak lelaki dan kanak-kanak perempuan OA terhadap penguasaan BM sebagai B2.

METODOLOGI

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan melalui soal selidik yang bermatlamat mengumpulkan maklumat berkaitan pemboleh-pemboleh ubah. Berdasarkan kaedah penyelidikan yang telah digunakan oleh pengkaji terdahulu dalam bidang sains sosial, kebanyakan pengkaji yang mengkaji sikap dan penggunaan bahasa telah menggunakan kaedah soal selidik untuk mengumpulkan data kuantitatif.

Tempat Kajian

Kajian ini dijalankan 4 buah zon di Kuala Lumpur yang merangkumi 24 buah sekolah rendah yang telah dikenal pasti mempunyai kanak-kanak OA. Jumlah keseluruhan kanak-kanak OA yang ada adalah seramai 36 orang.

Sampel Kajian

Kaedah pensampelan yang digunakan ialah pensampelan bertujuan. Sampel yang terlibat ialah kanak-kanak yang berumur 8 hingga 11 tahun sahaja iaitu seramai 18 orang di semua zon (Jadual 3). Bilangan kanak-kanak lelaki seramai 6 orang berbanding jumlah kanak-kanak perempuan iaitu seramai 12 orang.

Jadual 3: Bilangan kanak-kanak OA berumur 8 hingga 11 tahun di sekolah rendah Kuala Lumpur

Zon	Jantina		Jumlah
	Lelaki	Perempuan	
Bangsar	3	3	6
Keramat	2	2	4
Pudu	0	4	4
Sentul	1	3	4
Jumlah	6	12	18

Instrumen Kajian

Instrumen yang digunakan untuk mengumpul data ialah soal selidik yang mengandungi pernyataan-pernyataan untuk menjawab soalan kajian. Soal selidik ini telah digunakan sebagai kajian rintis. Instrumen kajian telah diubah suai daripada kajian Mohd Samsudin (1992), Norhizan (1995), dan

Norizah (2005). Borang soal selidik ini terbahagi kepada dua bahagian. Bahagian A adalah untuk mendapatkan maklumat demografi responden manakala Bahagian B mengandungi pernyataan tentang sikap responden terhadap BM. Setiap pernyataan yang terdapat dalam soal selidik telah diklasifikasikan mengikut beberapa elemen tertentu yang membentuk sikap terhadap BM, iaitu individu (14 item), persekitaran berbahasa (9 item) dan ciri-ciri BM (2 item). Untuk memastikan responden memahami item dalam soal selidik, bantuan pemudah cara (guru) digunakan sepanjang responden memberikan respons terhadap pernyataan yang ada.

Kajian Rintis

Kajian rintis bertujuan untuk menguji tahap kebolehpercayaan item instrumen. Responden bagi kajian rintis ini dipilih secara rawak yang terdiri daripada 3 orang kanak-kanak lelaki OA dan 3 orang kanak-kanak perempuan OA. Data yang diperoleh daripada kajian rintis telah dianalisis untuk mendapatkan pekali alpha Cronbach. Nilai alpha yang diperoleh ialah 0.969. Sekiranya kebolehpercayaan melebihi 0.8, maka nilai ini didapati memadai untuk diterima sebagai tahap kebolehpercayaan yang sesuai untuk sesuatu alat (Mohd Najib, 2000). Oleh itu, nilai alpha yang diperoleh ini telah memenuhi piawai dan dapat digunakan untuk kajian sebenar.

Tatacara Penganalisan Data

Data kajian sebenar dianalisis menggunakan perisian perisian *Statistical Package for Social Science Version 20 for Windows (SPSS)*. Data yang dikumpulkan akan dianalisis menggunakan analisis deskriptif dan inferensi. Statistik deskriptif digunakan untuk mencari kekerapan peratusan, min, sisihan piawai, kekerapan sikap pelajar. Manakala analisis inferensi digunakan bagi menjawab hipotesis melalui ujian korelasi untuk melihat hubungan dan perbezaan sikap kanak-kanak/

DAPATAN KAJIAN

Data Demografi

Dalam Jadual 4, responden kajian terdiri daripada kanak-kanak OA yang berumur 8 hingga 11 tahun.

Manakala Jadual 5, pecahan responden mengikut kaum dan etnik.

Jadual 4: Bilangan kanak-kanak OA mengikut tahap umur

Umur	Lelaki	Perempuan	Jumlah
8 tahun	0	2	2
9 tahun	2	5	7
10 tahun	2	2	4
Jumlah	6	12	18

Jadual 5: Bilangan kanak-kanak OA mengikut suku kaum dan etnik

Kaum	Etnik	Lelaki	Perempuan	Jumlah
Melayu Proto	Semelai	1	4	5
	Temuan	3	2	5
	Jakun	0	1	1
Jumlah		4	7	11
Senoi	Temiar	1	1	2
	Semai	1	4	5
Jumlah		2	5	7

Sikap Responden terhadap Penguasaan Bahasa Melayu (BM)

Pernyataan yang terdapat dalam soal selidik telah diklasifikasikan mengikut beberapa elemen yang membentuk sikap terhadap BM iaitu individu, persekitaran berbahasa, dan ciri-ciri BM (Abdullah, 2007). Elemen individu iaitu pernyataan 1, 2, 6, 11, 12, 13, 16, 17, 18, 19, 22, 23, 24, dan 25 menghasilkan skor min iaitu 4.4286 bagi responden lelaki dan 4.5536 bagi responden perempuan (Jadual 7). Skor min gabungan responden lelaki dan perempuan pula ialah 4.5119. Ini menjelaskan bahawa responden lelaki dan perempuan bersetuju bahawa elemen individu mempengaruhi sikap mereka terhadap BM.

Bagi elemen persekitaran berbahasa pula, 4.3333 adalah skor min responden lelaki manakala 4.5000 adalah skor min bagi responden perempuan. Skor min gabungan lelaki dan perempuan pula ialah 4.4444. Item 3, 4, 5, 7, 8, 14, 15, 20, dan 21 adalah pernyataan dalam elemen persekitaran berbahasa. Ini menggambarkan responden lelaki dan perempuan bersetuju bahawa elemen persekitaran berbahasa juga mempengaruhi sikap mereka terhadap BM.

Manakala untuk elemen ciri BM pula, skor min responden lelaki ialah 4.0833 dan skor min

responden perempuan ialah 4.5000. Item yang dimaksudkan adalah pernyataan 9 dan 10. Skor min gabungan responden lelaki dan perempuan pula ialah 4.3611. Ini menjelaskan responden lelaki dan perempuan bersetuju bahawa elemen ciri BM turut mempengaruhi sikap mereka terhadap BM.

Jadual 6: Skor min bagi elemen pembentukan sikap kanak-kanak OA terhadap BM

Elemen Pembentukan Sikap terhadap BM	Min		
	Lelaki	Perempuan	Lelaki dan Perempuan
Individu	4.4286	4.5536	4.5119
Persekitaran bahasa	4.3333	4.5000	4.4444
Ciri BM	4.0833	4.5000	4.3611
Jantina	4.2817	4.5179	4.4392

Elemen tambahan yang turut mempengaruhi pembentukan sikap responden terhadap BM ialah jantina. Min bagi responden lelaki ialah 4.2817 dan min responden perempuan ialah 4.5179. Situasi ini menjelaskan bahawa responden lelaki dan perempuan bersetuju bahawa elemen jantina juga mempengaruhi pembentukan sikap mereka terhadap BM. Sikap kanak-kanak OA perempuan lebih positif berbanding kanak-kanak OA lelaki. Hal ini dijelaskan melalui data iaitu seramai 8 orang responden perempuan bersikap positif berbanding hanya 4 orang responden lelaki (Jadual 7). Kesimpulannya, elemen individu, persekitaran berbahasa, ciri BM dan jantina terbukti mempengaruhi sikap kanak-kanak OA terhadap BM.

Jadual 7: Skor sikap kanak-kanak lelaki dan kanak-kanak perempuan OA terhadap BM.

Jantina	Kaum	Etnik	Skor Sikap	Rumusan Sikap
Lelaki	Melayu Proto	Semelai	4.90	Positif
	Senoi	Semai	4.76	Positif
Lelaki	Melayu Proto	Temuan	4.23	Positif
	Senoi	Temiar	4.00	Positif
Lelaki	Melayu Proto	Temuan	3.94	Negatif
	Melayu Proto	Temuan	3.86	Negatif
Perempuan	Senoi	Semai	5.00	Positif

Perempuan	Melayu Proto	Jakun	5.00	Positif
Perempuan	Melayu Proto	Temuan	5.00	Positif
Perempuan	Melayu Proto	Temuan	5.00	Positif
Perempuan	Senoi Melayu	Semai	4.76	Positif
Perempuan	Proto	Semelai	4.75	Positif
Perempuan	Senoi Melayu	Semai	4.67	Positif
Perempuan	Proto Melayu	Semelai	4.42	Positif
Perempuan	Proto	Semelai	3.98	Negatif
Perempuan	Senoi	Semai	3.96	Negatif
Perempuan	Senoi Melayu	Temiar	3.88	Negatif
Perempuan	Proto	Semelai	3.81	Negatif

Nilai 4.48 merupakan min keseluruhan bagi setiap item pada soal selidik (Jadual 9). Hal ini membuktikan bahawa responden bersetuju akan setiap pernyataan yang dikemukakan. Berdasarkan skor sikap (Jadual 8), seramai 12 orang kanak-kanak OA bersikap positif terhadap BM. Kanak-kanak perempuan seramai 8 orang manakala kanak-kanak lelaki seramai 4 orang.

Jadual 8: Min sikap responden terhadap BM

Item	Pernyataan	Min
1.	Saya berasa bangga dapat menguasai Bahasa Melayu dengan baik.	4.67
2.	Saya akan belajar Bahasa Melayu di rumah secara sukarela.	4.39
3.	Saya akan bertutur dalam Bahasa Melayu dengan rakan-rakan yang lain.	4.56
4.	Saya bertutur dalam Bahasa Melayu ketika di rumah.	4.17
5.	Saya suka menonton rancangan televisyen yang berkaitan dengan Bahasa Melayu.	4.33
6.	Saya sangat meminati Bahasa Melayu.	4.56
7.	Saya suka membaca bahan bacaan yang berbahasa Melayu.	4.56
8.	Saya akan berkongsi bahan bacaan berbahasa Melayu dengan rakan-rakan.	4.56
9.	Saya mudah memahami maklumat dalam Bahasa Melayu.	4.33
10.	Saya mesti fasih berbahasa Melayu daripada bahasa yang lain.	4.39
11.	Saya berasa tidak selesa apabila seseorang berbahasa asing atau Inggeris sedangkan orang lain berbahasa Melayu.	4.17
12.	Saya berasa tidak selesa apabila seseorang mencampuradukkan Bahasa Melayu dengan bahasa lain dalam perbualan.	4.17
13.	Apabila mendengar seseorang fasih	4.56

berbahasa Melayu, saya juga berharap akan boleh berbuat demikian.	4.50
14. Keluarga saya sentiasa memberi galakan untuk menguasai Bahasa Melayu.	4.50
15. Jika mempunyai pilihan, saya lebih suka membeli bahan bacaan Bahasa Melayu daripada bahasa yang lain.	4.50
16. Memahami Bahasa Melayu membantu saya menambahkan pengetahuan.	4.61
17. Kanak-kanak perlu menguasai Bahasa Melayu dengan baik.	4.67
18. Sebagai rakyat Malaysia, kita mestilah fasih berbahasa Melayu.	4.67
19. Melalui bahasa Melayu, kita boleh menuntut ilmu pengetahuan termasuk sains dan teknologi.	4.50
20. Kita dapat bercampur gaul dengan kawan-kawan daripada kaum lain dengan menggunakan Bahasa Melayu.	4.39
21. Kita mesti bertutur dalam bahasa Melayu walaupun berbeza kaum.	4.44
22. Bahasa Melayu penting untuk komunikasi.	4.50
23. Bahasa Melayu penting dalam kehidupan saya.	4.50
24. Bahasa Melayu lebih mudah difahami dan dikuasai.	4.61
25. Bahasa Melayu boleh memajukan negara.	4.61

Min keseluruhan **4.48**

Pengujian Hipotesis

Keputusan inferensi disimpulkan oleh analisis korelasi dan ujian-t. Dalam kajian ini, aras signifikan 0.5 sebagai rujukan penerimaan atau penolakan hipotesis nul. Sekiranya aras signifikan kurang daripada 0.5, maka ujian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara kedua-dua pemboleh ubah yang dikaji. Interpretasi data berkaitan hubungan sikap adalah berdasarkan Cohen (1973) dalam Jadual 9.

Jadual 9: Tahap hubungan berdasarkan nilai korelasi

Nilai Korelasi	Tahap Hubungan
± 0.01 hingga ± 0.29	Kecil
± 0.30 hingga ± 0.49	Sederhana
± 0.50 hingga ± 1.00	Besar

Sumber: Cohen (1973)

Hipotesis H_01

Nilai korelasi yang diperoleh bagi sikap kanak-kanak lelaki dan perempuan OA ialah 0.021

(Jadual 10). Mengikut Cohen (1973), sekiranya nilai korelasi berada antara ± 0.01 hingga ± 0.29 , interpretasi korelasi berkenaan ialah kecil. Oleh itu, terdapat hubungan kecil berkaitan sikap kanak-kanak lelaki OA dan kanak-kanak perempuan OA terhadap penguasaan BM. Sikap responden mempunyai perhubungan signifikan yang lebih rendah daripada aras signifikan 0.5, iaitu 0.321, maka hipotesis nul (H_01) ditolak. Oleh itu, terdapat hubungan yang signifikan antara sikap dengan penguasaan BM.

Jadual 10: Hubungan korelasi antara sikap dan keputusan pentaksiran kanak-kanak OA terhadap penguasaan BM sebagai B2

Pemboleh Ubah	Nilai Korelasi	Interpretasi Korelasi	Hubungan terhadap Penguasaan BM sebagai B2	Nilai Sig.
1. Sikap	0.021	Kecil	Kecil	0.321
2. Pentaksiran pemahaman	0.423	Sederhana	Sederhana	0.080
3. Pentaksiran penulisan	0.422	Sederhana	Sederhana	0.081

Hipotesis H_02

Nilai korelasi bagi pentaksiran pemahaman ialah 0.423 iaitu mempunyai hubungan yang sederhana. Manakala nilai signifikan pentaksiran ini ialah 0.080. Hal ini bermakna hipotesis nul (H_02) juga ditolak. Oleh yang demikian, terdapat hubungan yang signifikan antara keputusan pentaksiran pemahaman dengan sikap responden terhadap penguasaan BM.

Hipotesis H_03

Pentaksiran penulisan pula mempunyai nilai korelasi 0.422 yang membawa maksud mempunyai hubungan yang sederhana. 0.081 ialah nilai signifikan bagi pentaksiran penulisan. Nilai signifikan ini membawa erti hipotesis nul (H_03) ditolak kerana nilai ini lebih rendah daripada 0.5. Oleh itu, terdapat hubungan yang signifikan antara keputusan pentaksiran penulisan dengan sikap responden terhadap penguasaan BM.

Hipotesis H_04

Untuk pemboleh ubah jantina, nilai signifikan lebih rendah, iaitu 0.032 yang membawa maksud

hipotesis nul (H_04) ditolak. Sehubungan itu, terdapat perbezaan yang signifikan antara responden lelaki dan perempuan terhadap penguasaan BM. Bagi kanak-kanak lelaki OA, nilai korelasi sikap mereka terhadap BM ialah 0.667 (Jadual 11). Hal ini menjelaskan terdapat hubungan yang besar antara sikap kanak-kanak lelaki OA terhadap penguasaan BM sebagai B2. Manakala bagi kanak-kanak perempuan OA pula, nilai korelasi ialah 0.236 (Jadual 12). Ini menandakan bahawa terdapat hubungan kecil berkaitan sikap mereka terhadap penguasaan BM sebagai B2.

Jadual 11: Nilai korelasi sikap kanak-kanak lelaki OA terhadap penguasaan BM sebagai B2

	Value	df	Asymp Sig. (2-sided)	Exact Sig. (2-sided)	Exact Sig. (2-sided)
Pearson Chi-Square	.600 ^a	1	.439		
Continuity Correction	.000	1	1.000		
Likelihood Ratio	.908	1	.341		
Fisher's Exact Test				1.000	.667
Linear-by-Linear Association	.500	1	.480		
N of Valid Cases	6				

Jadual 12: Nilai korelasi sikap kanak-kanak perempuan OA terhadap penguasaan BM sebagai B2

	Value	df	Asymp Sig. (2-sided)	Exact Sig. (2-sided)	Exact Sig. (2-sided)
Pearson Chi-Square	2.000 ^a	1	.157		
Continuity Correction	.500	1	.480		
Likelihood Ratio	1.923	1	.166		
Fisher's Exact Test				.236	.236
Linear-by-Linear Association	1.833	1	.176		
N of Valid Cases	12				

Berdasarkan skor khi kuasa dua iaitu 0.32 (Jadual 13), sikap responden perempuan didapati lebih dominan berbanding responden lelaki terhadap BM. Jika nilai skor khi kuasa dua ≥ 0.5 , maka terdapat perbezaan yang signifikan antara

kanak-kanak lelaki dan perempuan OA terhadap penguasaan BM sebagai B2. Kesimpulannya, terdapat perbezaan yang signifikan antara sikap kanak-kanak lelaki dan perempuan OA terhadap BM. Ini adalah selari dengan dapatan skor min (Jadual 7) iaitu kanak-kanak perempuan yang lebih besar (4.5179) berbanding kanak-kanak OA lelaki (4.2817).

Jadual 13: Nilai χ^2 perbezaan sikap kanak-kanak lelaki dan perempuan OA terhadap penguasaan BM sebagai B2

	Value	df	Asymp Sig. (2-sided)	Exact Sig. (2-sided)	Exact Sig. (2-sided)
Pearson Chi-Square	5.513 ^a	1	.019		
Continuity Correction	3.403	1	.065		
Likelihood Ratio	5.828	1	.016		
Fisher's Exact Test				.043	.032
Linear-by-Linear Association	5.206	1	.023		
N of Valid Cases	18				

Seramai 2 orang responden lelaki dan 4 orang responden perempuan didapati bersikap negatif terhadap BM. Bagi responden lelaki, mereka gagal dalam pentaksiran pemahaman dan penulisan. Manakala bagi responden perempuan, dua orang responden telah didapati gagal dalam kedua-kedua pentaksiran ini. Hal ini membuktikan bahawa, sikap negatif mempunyai hubungan dengan pencapaian pentaksiran responden dalam BM (Jadual 14). Rumusan berkaitan hubungan sikap dan penguasaan BM responden adalah seperti Jadual 15.

Jadual 14: Perbezaan sikap kanak-kanak lelaki dan perempuan OA terhadap penguasaan BM sebagai B2

Jantina	Sikap Positif		Sikap Negatif		Jumlah
	Tahap Penguasaan Rendah	Tahap Penguasaan Tinggi	Tahap Penguasaan Rendah	Tahap Penguasaan Tinggi	
Lelaki	3	1	2	0	6
Perempuan	1	7	2	2	12
Jumlah	4	8	4	2	18

Jadual 15: Bilangan kanak-kanak lelaki OA dan kanak-kanak perempuan OA yang bersikap positif terhadap BM serta hubungannya dengan pencapaian pentaksiran

Petaksiran	Lulus		Gagal		Jumlah
	Lelaki	Perempuan	Lelaki	Perempuan	
Pemahaman	2	8	2	0	12
Penulisan	3	7	1	1	12
Pemahaman dan penulisan	1	7	0	0	8
Jumlah	6	22	3	1	32

KESIMPULAN

Kajian ini mendapati kanak-kanak OA mempunyai sikap yang positif terhadap BM. Dapatan membuktikan bahawa elemen individu, persekitaran berbahasa, ciri BM, dan jantina telah mempengaruhi sikap positif mereka terhadap BM. Dapatan kajian juga menjelaskan terdapat hubungan kecil antara sikap kanak-kanak OA terhadap penguasaan BM sebagai B2. Ini bermakna sikap positif kanak-kanak OA terhadap BM yang telah dikenal pasti lebih awal diperkukuh dengan dapatan penguasaan mereka terhadap BM. Kanak-kanak perempuan OA didapati bersikap positif dan lebih menguasai BM berbanding kanak-kanak lelaki OA.

Dapatan ini menyokong Hipotesis Filter Afektif oleh Stephen Krashen (1982) dalam Noor Aina (2006) berdasarkan Teori Monitor beliau. Individu akan menunjukkan pencapaian yang baik sekiranya mereka bersemangat, bermotivasi dan bersikap positif terhadap bahasa yang ingin dikuasai oleh mereka. Hasil daripada kajian yang dijalankan mendapati sikap kanak-kanak OA terhadap penguasaan BM sangat berkaitan serta memberi kesan terhadap pencapaian mereka dalam penguasaan BM. Faktor yang mempengaruhi sikap mereka membayangkan bahawa kanak-kanak OA mampu menguasai BM dengan baik.

Sebagai kesimpulan, tidak keterlaluan satu hari nanti BM akan menjadi bahasa ibunda atau bahasa pertama bagi kanak-kanak OA lantaran bahasa berkenaan akan dan sudah dikuasai sejak kecil sebagai bahasa utama. Kekuatan ini adalah kerana BM merupakan bahasa yang amat berpengaruh dalam kalangan masyarakat Malaysia. Hal ini demikian kerana BM sudah lama meresap masuk ke dalam pertuturan bahasa lain. Hal ini tidak bermakna kanak-kanak OA akan

mengabaikan bahasa nenek moyang mereka. Penggunaan BM secara meluas dalam kalangan masyarakat Malaysia khasnya penutur kedua akan menguatkan lagi kedudukannya sebagai bahasa ibunda bagi masyarakat Malaysia. Secara keseluruhannya, kanak-kanak OA bersikap positif terhadap penguasaan BM sebagai B2.

RUJUKAN

- Abdul Hamid Mahmood. (1990). Penguasaan Bahasa Melayu baku di kalangan pelajar. *Jurnal Dewan Bahasa*, 4: 242-252.
- Abdullah Yusoff. (2007). Sebab bahasa sukar dikuasai. *Pelita Bahasa*, 11: 22-24.
- Cohen, P.S. (1973). *Statistical power analysis for the behavioral science*. New York: Academic Press.
- Gardner, R.C. (1985). *Social psychology and second language learning: The role attitudes and motivation*. London: Edward Arnold.
- Kamarudin Hussin. (1993). *Pedagogi 3: Penggunaan psikologi di dalam bilik darjah*. Petaling Jaya: Longman (M).
- Kamsiah Abdullah. (1984). Sikap dan motivasi penutur Melayu di sekolah menengah Singapura terhadap Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Tesis Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Khairul Hisyam Kamarudin & Ibrahim Ngah. (2007). *Pembangunan mapan orang Asli*. Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Helmi Ahmad. (2011). Gangguan bahasa ibunda. *Dewan Bahasa*. 10: 32-34.
- Mohd Majid Konting. (2000). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Samsuddin Mahmod. (1992). Sikap pelajar terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu dan pertaliannya dengan pencapaian dalam Bahasa Melayu. Tesis Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Mohd Sharifudin Yusop. (2013). Bahasa dan kemajuan. *Dewan Budaya*, 5: 29.
- Nik Safiah Karim. (1988). *Sosiolinguistik Bahasa Melayu dan pengajaran*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Noor Aina Dani. (2006). *Asas psikolinguistik*. Petaling Jaya: Sasbadi Sdn. Bhd.
- Noriah Mohamed. (1998). *Sosiolinguistik Bahasa Melayu di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Norizah Ardi. (2005). Sikap terhadap Bahasa Melayu dan penggunaannya di kalangan pelajar di universiti selatan Thailand. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Nurhizan Abdul Manab. (1995). Sikap terhadap pembelajaran Bahasa Inggeris dan hubungannya dengan pencapaian pelajar tingkatan dua di daerah Kuala Terengganu. Tesis Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Teo Kok Seong. (2013). Kemelut Bahasa Melayu. *Berita Harian (Sentral)*, 4 November: 6.
- Zamri Mahamod & Zarina Othman. (2001). Sikap pelajar Cina terhadap pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. *Dewan Bahasa*, 2: 40-43.